

12 JUL 2003

Multaqa-Hamid

PEMIKIRAN PADA MULTAQA PERLU DIKAJI UNTUK MANFAAT UMAT ISLAM

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Multaqa Ulama Sedunia berakhir di sini hari ini dengan harapan supaya pemikiran-pemikiran yang dikemukakan pada persidangan itu akan dikaji secara teliti bagi merangka pelan tindakan untuk manfaat umat Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Induk multaqa Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata multaqa tiga hari itu bertujuan membina "sungai" pemikiran Islam yang besar yang boleh memberi laluan kepada "bahtera" yang baik untuk umat Islam.

"Pada masa yang sama, (pelan tindakan) boleh meleburkan benteng-benteng yang tidak berguna dan mampu mencairkan kebekuan yang menghalang dan juga keracunan yang membunuh," katanya semasa mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan penutupan multaqa bertema "Islam Dalam Era Globasasi" itu.

Kira-kira 900 peserta dari 34 negara termasuk 90 ulama asing menghadiri multaqa anjuran Jabatan Perdana Menteri itu yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis.

"Multaqa ini ibarat manisan-manisan yang dicurahkan, dikumpulkan dan tindakan ini tidak akan berhenti setakat ini sahaja. Tindakan susulan dan perincian yang jitu akan dijalankan," kata Dr Abdul Hamid, yang juga Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Lebih banyak multaqa kecil dan besar akan diadakan, katanya.

Abdul Hamid menjelaskan mengenai istilah Multaqa yang bermakna beberapa anak sungai yang mengalir dari beberapa tempat bertemu di suatu tempat untuk menjadi sungai yang besar.

"Ada anak sungai itu yang datang dari gunung, melalui celah-celah pokok, melalui tempat kediaman orang atau binatang, tanah perkuburan atau pernah dicecah oleh binatang ganas atau berbisa.

"Sungai yang besar itu hasil daripada cantuman air yang berbagai-bagai yang memberi manfaat besar kepada manusia dan alam sekitar.

"Semasa dalam sungai yang kecil, air itu tidak berguna untuk sampan atau kapal, tidak berguna untuk orang yang suka berenang apatah lagi untuk orang lumba perahu atau jet ski," katanya.

"Sepanjang pertemuan kita sejak tiga hari lepas, kita menggunakan perkataan Multaqa dalam konteks pemikiran, kefahaman dan pegangan yang kita rasa kalau bersendirian atau bersepeh di sana sini, boleh memberi makna yang salah," katanya.

Malah, katanya ia boleh memberi mudarat kecil seperti pencanggahan fikiran manakala mudarat besar ialah apabila pengikut menjadi taksu dan saling berbunuhan.

Abdul Hamid berkata dalam hal persendirian itu, ramai yang tidak ada kekuatan untuk bermuhasabah diri dan dengan itu, menjadi orang yang taksu dan mudah menolak orang lain serta sanggup berperang.

"Lebih daripada itu, dia selalu tersasul dalam hal-hal yang fundamental seperti perkara ijthidah yang tidak boleh dikaitkan dengan akidah," katanya.

Beliau yakin para peserta bersemangat tinggi untuk menjayakan tindakan susulan bagi multaqa itu.

"Ini kerana dua peristiwa besar dunia di New York dan di Baghdad memberi pengajaran yang tidak boleh dilupakan. Pengajaran itu mestilah mampu menolak kita ke hadapan supaya kita tidak berdiam diri," katanya merujuk kepada peristiwa serangan 11 Sept 2001 dan pencerobohan Amerika

Syarikat terhadap Iraq.
-- BERNAMA
MS AZZ NAK